

Nikah Khitbah: An Alternative To Resolve The Illegitimate Child Births Issues

Muhamad Mu'izz Bin Abdullahⁱ, Muhammad Saiful Adlie Bin Misnanⁱⁱ
Abdul Bari Bin Awangⁱⁱⁱ

ⁱCalon Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, muizziela8990@gmail.com

ⁱCalon Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, safifuladlie5455@gmail.com

ⁱⁱProfesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, abdbari@iium.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Perkahwinan berlandaskan syariat islam merupakan suatu perkara yang amat penting kerana boleh memberi kesan pada perjalanan hidup pengikutnya dalam membentuk masyarakat muslim yang harmoni. Akan tetapi, kita menyaksikan bahawa kadar peningkatan anak tak sah taraf dalam kalangan remaja saban tahun begitu membimbangkan akibat daripada hubungan tidak sah di sisi syarak. Ini memberi kesan yang negatif terhadap institusi kekeluargaan dan juga kepada masyarakat secara amnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana keberkesanannya pelaksanaan nikah khitbah dalam kalangan remaja sebagai satu alternatif mengurangkan kadar zina dan anak tak sah taraf. Solusi yang dicadangkan ini adalah sebagai alternatif kepada tindakan pencegahan sedia ada. Penulis menggunakan metod kajian berbentuk analisis dokumen dengan melihat kepada kitab-kitab fiqh, keratan akhbar, fatwa-fatwa negeri. Hasil kajian mendapati bahawa nikah khitbah adalah relevan untuk dilaksanakan bagi</i></p>	<p><i>Shariah-based marriage is a crucial matter because it can influence the shape of life which Muslims experience in shaping a good Muslim community. However, it is observed that the rate of birth of unlawful children amongst teenagers is skyrocketing annually, due to the illicit relationship in the eyes of Shariah. This problem carries negative implications towards family institutions and to society generally. Therefore, this study aims at studying the extent of effectiveness of Nikah Khitbah amongst teenagers as an alternative for already available measures to lower the rate of unlawful sexual relationships (zina) and illegitimate child births. This proposed solution is an alternative for already available preventive measures. The author utilizes the textual study method by referring to fiqh corpus, periodicals, and state rulings (fatwa). The results acquired confirm that Nikah Khitbah is a relevant alternative for handling the abovementioned problems. Nevertheless, its executions need proper guidelines and exposures by enforcement officials. Hopefully that this study will provide proper expositions amongst the society on the importance of khitbah and, in turn, helps</i></p>

<p>mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya perlu diberikan garis panduan dan pendedahan sewajarnya oleh pihak berwajib. Diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan dalam kalangan masyarakat akan kepentingan nikah khitbah seterusnya mengurangkan peningkatan kes anak tak sah taraf.</p> <p>Kata Kunci: Nikah Khitbah, Anak Tak Sah Taraf, Remaja, Fatwa, Zina</p>	<p>lower the rate of the births of an illegitimate child.</p> <p>Keywords: Nikah Khitbah, Illegitimate Child, Teenagers, Fatwa, Zina</p>
--	---

PENDAHULUAN

Keluarga yang bahagia adalah terbentuk daripada pernikahan yang berlandaskan syariat. Kedua-dua pihak iaitu lelaki dan wanita memainkan peranan penting dalam memastikan hubungan yang diredhai Allah dan terlindung daripada sebarang perkara maksiat terutama sebelum menjelaskan kaki ke alam perkahwinan. Oleh kerana itu, islam amat menjaga batas-batas pergaulan dalam kalangan bukan mahram bahkan al-Quran telah meletakkan garis panduan untuk mengelak daripada berlakunya hubungan tidak syarie diperingkat awal lagi. Allah swt berfirman di dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَاءِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

“janganlah kamu semua menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”

Zina bererti persetubuhan tidak syarie di antara seorang lelaki dan perempuan yang ajnabi samada melalui dubur ataupun qubul yang berlaku dalam keadaan sukarela di antara kedua pihak (Ibnu Abidin, 1992). Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Tantawi (1997) menafsirkan bahawa perkataan *al-zinā* sekiranya dikaitkan dengan perkataan *taqrabu* kebiasaannya memberi isyarat mengenai nafsu shahwat dan keinginan seseorang untuk melakukan sesuatu (maksiat). Ayat ini memberikan satu pengajaran bahawa sekiranya perbuatan zina adalah haram, mendekati zina juga sangat dicela di dalam islam. Ini dijelaskan lagi oleh Baginda Nabi saw dalam sabdanya (at-Tirmizi, 1998):

((لَا يَجِدُونَ رَجُلًا بِأَمْرِهِ إِلَّا كَانَ ثَالِثُهُمَا الشَّيْطَانُ))

“janganlah seseorang (lelaki) dalam kalangan kamu berseorangan dengan seorang perempuan (ajnabiah) kecuali bersama-sama denganya seorang mahram”

Dalam konteks masalah sosial dalam kalangan remaja khususnya berkaitan dengan kes anak tak sah taraf, dalil-dalil di atas memberi maksud

yang jelas dan begitu mendalam. Berlakunya peningkatan kes anak tak sah taraf adalah disebabkan terpedaya dengan godaan syaitan dan tunduk kepada nafsu syahwat.

Menurut Ma Razhanlaily & Salasiah Hanin, (2017) faktor berlakunya masalah zina adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya, media massa, kejutan budaya, sistem pendidikan dan persekolahan, pengabaian dalam institusi kekeluargaan, kurang didikan dan pentarbiyah agama islam, pergaulan bebas, status sosioekonomi keluarga yang rendah, masalah percintaan, mangsa rogol, ketagihan filem lucah, pengambilan pil khayal dan terlibat lumba haram (Nasarudin Desa et al., 2018; Mariam et al., 2019).

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, pada tahun 2012-2016 sejumlah 79,302 kes remaja anak tak sah taraf yang direkodkan melibatkan remaja bawah 18 tahun (Mariam et al., 2019). Ini merupakan satu jumlah yang besar dalam tempoh 5 tahun tersebut. Malah lebih mengejutkan, menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Seri Dr Wan Azizah Binti Dr Wan Ismail, dianggarkan 577 kes pembuangan bayi telah dilaporkan dalam tempoh dari tahun 2014-2018 (Berita Harian, 2019). Peningkatan jumlah anak tak sah taraf ini begitu membimbangkan apabila masalah ini sebenarnya berskala nasional melihat kepada kes-kes yang berlaku di seluruh negara. Kajian yang dijalankan oleh Mahathir Yahaya et al (2019) mendedahkan sebanyak 27 peratus remaja pada hari ini melakukan hubungan seks dan melahirkan anak tak sah taraf sebelum berkahwin secara sah.

Berdasarkan situasi yang kian meruncing melibatkan remaja islam kini, satu pendekatan yang lebih holistik berdasarkan pendekatan yang lebih berkesan perlu diambil. Justeru, artikel ini akan memberikan penumpuan kepada masalah peningkatan kelahiran anak tak sah taraf dalam kalangan remaja muslim dan kesan-kesan yang berlaku. Beberapa pendekatan yang telah dilaksanakan sebelum ini akan dinilai. Seterusnya, satu solusi dicadangkan kepada masalah yang dibangkitkan melalui konsep *nikah khitbah*. Beberapa pandangan fuqaha akan dibincangkan bagi memastikan masyarakat memahami dengan sebaiknya konsep yang telah digariskan oleh syarak.

ISU ANAK TAK SAH TARAF

Perkahwinan yang sempurna syarat dan rukunnya akan menjamin zuriat yang akan dilahirkan. Sebaliknya, sekiranya hubungan yang tidak syarie berlaku akan mengundang pelbagai kesan negatif. Stigma masyarakat Malaysia kebiasaannya berpandangan negatif dengan istilah "anak zina" ataupun anak "luar nikah". Oleh kerana itu, istilah "anak tak sah taraf" diperkenalkan kerana dari segi moralnya kesalahan bukanlah terletak kepada bayi yang tidak berdosa tersebut (Paizah Hj Ismail, 2013).

Bagi menentukan kesahtarafan seorang kanak-kanak yang dilahirkan, sarjana islam terdahulu telah menetapkan beberapa kaedah di dalam kitab-kitab fiqh mereka. Antaranya; perkahwinan, pengakuan, pembuktian dan *qiyafah*. Tiga yang pertama disepakati oleh para ulama manakala cara terakhir ulama berselisih pandangan di antara yang menerima dan menolaknya (Ibnu al-Qayyim, 1994).

Para ulama bersepakat bahawa cara paling kuat mensabitkan nasab ialah melalui perkahwinan (*al-firasy*). Perkahwinan yang dimaksudkan adalah perkahwinan yang sah ataupun perkahwinan yang seakan sah iaitu perkahwinan *fasid*.

Perkahwinan yang sah ialah akad perkahwinan yang diiktiraf oleh syarak kerana menepati rukun dan syaratnya serta tidak mempunyai apa-apa masalah yang boleh membantalkan akad tersebut. Sedangkan pernikahan *fasid* pula ialah pernikahan yang menjadi perselisihan ulama di antara sah atau tidak sah status perkahwinan tersebut seperti bernikah tanpa wali atau tanpa saksi. Perkahwinan yang rosak atau *fasid* dalam mengisbatkan nasab sama seperti perkahwinan yang sah dari sudut pensabitan anak (Mustafa Siba'i, 2001).

Disyaratkan pada perkahwinan *fasid* ini tiga perkara; pertamanya, lelaki yang mampu untuk menghamilkan isterinya iaitu mesti sudah baligh. Keduanya, berlaku persetubuhan (*dukhul*) dengan perempuan tersebut pada mazhab Maliki dan jika tiada, tidak mungkin disabitkan nasab. Ketiganya, hendaklah perempuan itu melahirkan anak selepas 6 bulan atau lebih daripada tarikh *dukhul* atau bersama di sisi mazhab Maliki.

Seterusnya, kaedah kedua melalui pengakuan yang dibuat daripada bapa kepada anak tersebut. Ulama meletakkan beberapa syarat yang mesti dipenuhi bagi memastikan pengakuan itu diiktiraf oleh syarak. Antaranya, mestilah lelaki tersebut baligh dan berakal serta perbezaan umur di antara dirinya dan anaknya mestilah munasabah. Contoh tidak munasabah seperti seseorang yang berumur 20 tahun membuat pengakuan bahawa seseorang yang berumur 15 tahun sebagai anaknya serta beberapa syarat lain yang wajar dipenuhi (Umar Muhammad, 2002)

Kaedah ketiga melalui pembuktian. Pembuktian yang dimaksudkan ialah pembuktian melalui persaksian yang dibuat oleh dua orang lelaki yang adil. Diwajibkan kedua-dua saksi memperakui segala kenyataan yang dikeluarkan. Jika persaksian diterima, maka disabitkan nasab anak kepada bapanya beserta segala hukum-hakam yang berkaitan dengannya (al-Marghinani, 1996).

Kaedah terakhir ialah *Qiyafah* iaitu pengecaman yang dilakukan oleh pihak yang berkepakaran dalam menentukan menentukan nasab berdasarkan ciri-ciri fizikal dan kemiripan (al-Jurjani, 1983). Kaedah ini hanya diguna pakai apabila tiga kaedah yang pertama di atas tidak dapat dilaksanakan. Ulama berselisih pandangan di antara Jumhur yang membenarkannya dengan

mazhab Hanafi yang tidak menerimanya sebagai kaedah pensabitan nasab (Syihabuddin al-Ramli, 1984).

Senarai Fatwa-Fatwa Sedia Ada

Sehubungan dengan perkara di atas, terdapat banyak fatwa yang sudah dikeluarkan sama ada di peringkat negeri-negeri sehingga ke peringkat kebangsaan yang membincangkan isu kesahtarafan seorang kanak-kanak yang dilahirkan. Antaranya:

1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 (bertarikh 10 Jun 2003)
2. Fatwa Kerajaan Negeri Selangor (bertarikh 17 Januari 2005)
3. Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan (bertarikh 12 Januari 2002)
4. Fatwa Negeri Sarawak (bertarikh 27 Julai 2004)
5. Fatwa Negeri Kedah (bertarikh 26 September 2010)

Secara umumnya, kandungan fatwa-fatwa yang yang dikeluarkan pada peringkat kebangsaan dan negeri-negeri menyimpulkan bahawa anak tak sah taraf adalah kelahiran yang kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* berdasarkan *Takwim Qamariah* bermula dari tempoh akad nikah. Kedua, kelahiran anak tersebut adalah disebabkan tanpa nikah yang syarie termasuk rogol, zina atau kaedah saintifik, dan bukan dari perkahwinan *syubhah*. Ketiga, sekiranya kelahiran tersebut melebihi 6 bulan dan kurang 4 tahun akan tetapi disyakki bukan anak yang sah dengan iqrar suami atau isteri, atau dengan 4 orang saksi.

Akta-Akta Berkaitan

Di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 110: Siapakah Yang Dikaitkan Sebagai Bapa, dinyatakan:

“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.”

Peruntukan yang sama juga terdapat dalam Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri-negeri yang lain, misalnya Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, Kelantan 2002, Melaka 2002, Perak 2004, Pulau Pinang 2004, Wilayah Persekutuan 1984, Sarawak 2001, Kedah 2008 dan Perlis 2006. Ini berbeza dengan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kedah dan Perlis,

tempoh kelahiran anak selepas perkahwinan telah dipinda dari setahun kepada empat tahun pada tahun 2008 (Kedah) dan 2006 (Perlis).

Manakala bagi undang-undang sivil yang turut menyebutkan seperti perkara di atas seperti Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299): Seksyen 13, Peruntukan mengenai bapa kepada anak tak sah taraf dan Seksyen 13A, Nama keluarga kanak-kanak. Manakala dalam Akta Kesahtarian 1961 (Akta 60): Seksyen 4, kesahtarianan perkahwinan kedua iba bapa.

IMPLIKASI ANAK TAK SAH TARAF

Terdapat beberapa implikasi yang dapat dilihat terhadap anak tak sah taraf ini khususnya dalam aspek penamaan, perwarisan harta pusaka dan kemasyarakatan.

Implikasi Penamaan

Seorang anak tak sah taraf tidak boleh di"bin"kan atau di"binti"kan kepada bapa biologinya, ini kerana persetubuhan yang berlaku adalah tidak sah. Ini diperkuuhkan lagi dengan keputusan terkini Mahkamah Persekutuan pada bulan Februari 2020 dengan majoriti 4-3 seterusnya mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini yang membenarkan anak tak sah taraf di"bin"kan atau di"binti"kan kepada bapa biologi (Berita Harian, 2020). Oleh kerana itu, anak tersebut haruslah di"bin"kan atau di"binti"kan kepada Abdullah atau sebarang nama dari Asma' al-Husna seperti ar-Razak, al-Jalal al-Halim dan lain-lain.

Hukum ini diperkuuhkan lagi melalui Fatwa Kebangsaan kali ke-41 yang diadakan pada 25 Jun 1998 yang secara jelas menyebutkan bahawa:

"Seorang anak tak sah taraf atau anak luar nikah tidak wajar dibin atau dibintikan kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada kanak-kanak itu. Oleh yang demikian anak tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama "Asma' al-Husna" berpangkalkan Abdul"

Menurut Zanariah Noor (2018), asas utama sandaran Abdullah atau sebarang nama Asma' al-Husna untuk menjaga *maqasid syariah* iaitu nasab kanak-kanak tersebut. Ini kerana, sandaran ini akan melindungi anak tak sah taraf tersebut dari implikasi zina dan secara tidak langsung menutup aib yang berlaku. Akan tetapi, bagi individu yang baru memeluk islam, pengecualian diberikan kerana dikiaskan kepada zaman jahiliyah.

Implikasi Perwarisan Pusaka

Implikasi terhadap pusaka bagi anak tak sah taraf tidak dibincang secara terperinci dalam kitab-kitab ulama fiqh kerana secara asasnya para ulama menetapkan bahawa antara asas perwarisan harta ialah mempunyai talian nasab kekeluargaan, suami isteri, hamba dan Baitul Mal. Dalam erti kata lain, apabila anak tak sah taraf tidak mempunyai apa-apa talian dengan bapa biologinya menurut Syarak, maka mereka berdua tidak layak untuk saling mewarisi antara satu sama lain.

Berbeza dengan masalah pusaka antara anak tak sah taraf dengan ibu kandungnya kerana dalam keadaan apa sekalipun anak tersebut adalah anaknya yang sah. Maka segala perkara yang berkait dengan kedudukan berkenaan akan berlaku seperti biasa, termasuk masalah pusaka dan dikira aurat orang yang diharamkan berkahwin (Paizah Hj Ismail, 2013).

Di Malaysia, hukum ini menjadi asas kepada pandangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 25 Jun 1998, ketetapan yang diputuskan adalah seperti berikut:

“Seseorang anak tak sah taraf adalah terputus hubungan daripada segi pusaka dengan bapanya tak sah taraf dan dia tidak menjadi ahli waris dan tidak berhak mewarisi pusaka bapanya dan sebaliknya.”

Implikasi Kemasyarakatan

Implikasi seterusnya dapat dilihat adalah kepada masa depan anak tak saraf itu sendiri. Peningkatan anak tak sah taraf menunjukkan masalah ini semakin serius dan membimbangkan. Situasi ini secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada masa depan kanak-kanak tersebut untuk meneruskan kehidupan hariannya di masa depan. Sebagai contoh, pandangan sinis masyarakat terhadap masyarakat sedikit sebanyak menyebabkan situasi pembelajaran di alam persekolahan merosot.

Faktor kegagalan tidak hanya diukur berdasarkan faktor dalaman (internal) seperti sifat malas dan kurang berdisiplin, tetapi faktor luaran (external) juga turut menimbulkan tekanan kepada anak tak sah taraf. Tekanan yang tinggi boleh menjadikan seorang anak tak sah taraf mengalami kecelaranan psikologi dan mudah berputus putus asa (Abd. Rahman et.al., 2011). Wahana dari kecelaranan psikologi akan mengundang masalah juvana yang lebih berat pada masa akan datang seperti berlakunya kes bunuh diri, ragut, dadah dan lebih membimbangkan kanak-kanak ini akan melakukan perkara yang sama seperti ibu bapa mereka akibat tekanan yang diterima.

ANALISIS BENTUK PENCEGAHAN

Pada bab ini, penulis akan melihat beberapa tindakan atau cadangan yang telah dilontarkan oleh agensi, pihak bertanggungjawab dan kajian para sarjana dalam menyelesaikan masalah anak tak sah taraf ini. Sebagai contoh, usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah merangka satu modul khas melibatkan remaja berumur 16 tahun ke atas. Pendidikan seks juga turut diperkenalkan di awal usia 13 tahun untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2016).

Di samping itu, terdapat juga usaha yang telah dijalankan oleh agensi swasta seperti Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor (DW) dengan menyediakan perlindungan dan kemudahan beserta usaha pemulihan kepada golongan remaja wanita (Ahmad et al., 2017). Manakala usaha daripada pihak penguatkuasaan Majlis Agama Islam Negeri sebagai contoh negeri Selangor pula, satu kempen “jom daftar nikah” telah diadakan untuk menggalakkan generasi muda berkahwin mengikut perundangan syariah. Rajwani et.al (2015) menekankan perlunya pendekatan berbentuk kerohanian dan pembentukan akhlak melalui keluarga. Ini terbukti apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menujuhan jawatankuasa Bertindak (*Focal Point*) Menangani Gejala Sosial.

Menyentuh aspek pencegahan dari sudut perundangan islam, terdapat pelbagai saranan yang telah diberikan oleh para sarjana. Zubaidah (2014) menyarankan agar kerjasama dilakukan di antara antara pelbagai agensi bermula dari peringkat penguatkuasaan, pendakwaan, mahkamah dan seterusnya penjara. Manakala di peringkat negeri, tanggungjawab adalah terletak kepada Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah. Oleh kerana itu, sekiranya Rang Undang-Undang Akta 355 dapat dipinda dan ditransformasikan dengan diberi peruntukan kuasa yang lebih luas kepada Mahkamah Syariah ianya adalah satu usaha yang berkesan dalam mencegah perkara ini (Hasnizam Hashim & Jasri Jamal, 2017; Mustafa 'Afifi et al., 2013).

Selain itu, penitian juga turut diberikan oleh Al Adib & Noor Aziah, (2009) berkenaan bentuk pelaksanaan hukuman yang dijalankan sekarang. Pada masa kini bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pesalah bawah 18 tahun dan pesalah bawah 16 tahun adalah berbentuk pencegahan dan pemulihan. Kedua-dua bentuk hukuman yang dilaksanakan ini adalah bergantung kepada kadar kesalahan yang dilakukan. Bentuk pelaksanaan hukuman ini dilihat tidak akan berkesan sekiranya hukuman yang terlalu ringan dikenakan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Di antara bentuk pencegahan yang dilihat berpontensi mencegah isu anak tak sah taraf adalah meningkatkan operasi *hisbah* (Abdul Qahhar et al.,

2017; Muhammad Syahir et al., 2018) terutama ketika malam tahun baru atau di tempat-tempat yang berpontesi berlakunya sumbang mahram. Bagi memastikan pelaksanaannya lebih berkesan, kerjasama boleh dilakukan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Ini kerana, pihak yang terlibat mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan berautoriti untuk membuat tangkapan sekiranya didapati memiliki bahan-bahan terlarang seperti dadah atau di bawah pengaruh dadah.

Berdasarkan beberapa sorotan kajian dan penilaian yang dilakukan, pelbagai tindakan telah dilaksanakan untuk membendung masalah ini. Beberapa cadangan daripada sarjana turut dikemukakan. Akan tetapi penulis mendapati konsep *nikah khitbah* dari perspektif syarak tidak diperkenalkan. Justeru, konsep ini akan dibahaskan untuk melihat kesesuaianya dalam menangani masalah yang membimbangkan ini.

NIKAH KHITBAH : SATU SOLUSI

Syariat amat mengambil berat berkenaan perkahwinan yang syarie. Secara fitrahnya, maqasid syariah yang ingin dicapai hasil daripada pelaksanaan nikah yang syarie adalah untuk menjaga nasab atau keturunan (*hifz an-nasl*) yang mana ianya adalah salah satu daripada *al-dharuriyat al-khams*. Selain daripada itu, perkahwinan yang syarie merupakan salah satu unsur penting dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera bahkan meninggikan kemuliaan institusi kekeluargaan. Kerana itu, Allah swt menjadikan lelaki dan perempuan itu berpasang-pasangan dan berkasih sayang seperti yang tercatat dalam surah Rom ayat 21 “*Dia menciptakan kamu berpasangan dari kalangan kamu, agar kaum merasa tenteram, dan Dia menjadikan di antara kamu berkasih sayang*”

Pernikahan yang syarie menjadi penghalang daripada berlakunya maksiat dan masalah zina sehingga menjadi punca lahirnya anak tak sah taraf dalam kalangan para remaja. Al-Quran secara jelas memerintahkan seorang lelaki yang cukup syaratnya untuk menikahi seorang wanita muslim seperti dinyatakan di dalam surah al-Baqarah ayat 235 “*Dan tidak ada dosa bagi kamu meminang wanita-wanita itu dengan sindiran atau kamu menyembunyikan (keinginan mengawini mereka) dalam hatimu*”. Di dalam ayat yang lain Allah swt menyatakan: “*maka nikahilah wanita-wanita yang baik pada kamu..*” (an-Nisa:3).

Di antara bentuk pernikahan dalam Islam adalah “*nikah khitbah*”. Menurut Ibnu Hajar (1983) nikah adalah perkahwinan di antara seorang lelaki dan wanita bagi yang berkemampuan dari segi mahar, pakaian, tempat tinggal dan nafkah. Ianya adalah satu akad yang menghalalkan perhubungan di antara suami isteri selepas ijab dan qabul. Manakala *khitbah* menurut Ismail & Akhbar (2017) bererti keinginan seorang lelaki terhadap seorang wanita yang ingin dikahwininya, perasaan itu digambarkan samada secara langsung atau melalui

perantaraan ahli kerabatnya. Satu upacara pertunangan mengikut adat setempat akan dilangsungkan selepas mendapat persetujuan dari walinya.

Adapun “nikah khitbah” secara terminologinya adalah satu definisi yang terhasil dari gabungan nikah dan *khitbah*. Definisi ini tidak terdapat secara khusus di dalam kitab-kitab klasik sarjana islam terdahulu. Sekiranya diamati, definisi *nikah khitbah* ini seolah-olah bertentangan dengan maqasid pelaksanaan nikah yang dikehendaki oleh syarak kerana pertunangan bukanlah suatu ikatan rasmi di antara kedua-dua pihak yang boleh menghalalkan hubungan kelamin suami isteri. Terminologi ini dikenali dalam kalangan rakyat Malaysia yang beragama islam sebagai “nikah gantung” (Hazwan, 2017).

Walaupun begitu, pelaksanaan nikah khitbah ini adalah bersandarkan kepada perbuatan Baginda saw seperti mana diriwayatkan oleh Hisyam dari ayahnya, telah berkata beliau: “*Saidatina Khadijah telah meninggal dunia sebelum Nabi saw.... Baginda saw telah berkahwin dengan Saidatina Aisyah ketika itu masih berumur enam tahun. Dan Baginda saw hanya tinggal bersama ketika beliau berumur sembilan tahun*” (Ibnu Hajar, 1986). Berdasarkan hadis ini, Baginda saw telah menangguhkan selama dua tahun untuk tinggal bersama dengan Ummi al-Mukminin Saidatina Aisyah r.a. Akan tetapi, lafaz “nikah khitbah” tidak diriwayatkan secara langsung di dalam hadis ini yang menunjukkan keharusan pelaksanaannya.

Namun, Lafaz “nikah khitbah” ini dapat dilihat di dalam riwayat imam Malik r.a melalui kitabnya al-Muwattho’ yang telah dita’likkan oleh al-Zarqani seperti berikut:

Telah berkata Malik RA: “tidak menjadi kesalahan pernikahan seorang yang sedang beriktkaf (di dalam masjid)” iaitu akad perkahwinan “selagi tidak bersentuhan” iaitu jimak. Adapun firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat ke 187 yang bermaksud “*tidak dibenarkan untuk melakukan jimak dalam keadaan beriktkaf dalam masjid*”. al-Zarqani menambah bawah hukum tersebut dikecualikan bagi pasangan yang bernikah khitbah (al-Zarqani, 2003). Menurut beliau konsep nikah khitbah adalah seperti *khitbah* (pertunangan) iaitu tidak berlakunya hubungan kelamin. Dapat disimpulkan bahawa Imam Malik adalah perintis bagi terminologi ini dan keharusan pelaksanaannya adalah bersandarkan kepada perbuatan Baginda saw.

Lafaz nikah khitbah tidak juga dinyatakan secara khusus dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Kenyataan ini sama seperti Mohamad Hazwan (2017) berdasarkan penelitiannya terhadap Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang). Pada fasal 11 dan fasal 22 hanya menyebutkan lafaz perkawinan beserta *ta’liknya* secara umum. Menurut beliau, ini kerana nikah khitbah ini adalah pengamalan dalam rumah tangga dan masykat mengiktirafnya. Namun demikian, lafaz nikah khitbah ini ada dicatatkan di dalam undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam

Negeri Johor No.(14) tahun 1987. Dinyatakan bahawa lafaz “nikah khitbah” hukumnya adalah sama seperti pernikahan biasa (Abdul Jalil. 2002) .

Jika ditinjau dari perspektif syarak, Mustafa & Miszairi (2018) berpandangan pelaksanaannya adalah harus kerana semua syarat dan rukun nikah dipenuhi. Persoalan yang timbul adalah, wujudnya syarat yang diletakkan di antara kedua pihak iaitu ditangguhkan hubungan kelamin dan tidak berlakunya tuntutan nafkah hingga ke suatu tempoh ditetapkan atas sebab-sebab tertentu. Dalam perkara ini, terdapat perbezaan pendapat tentang syarat-syarat yang ditetapkan kerana ia menghalang daripada terlaksananya maqasid perkahwinan sebenar.

Ulama-ulama dalam mazhab syafie berpandangan bahawa nafkah adalah wajib ditunaikan ke atas seorang isteri sekiranya berlaku *istimta'* (berasmara). Adapun sekiranya si isteri itu sendiri enggan maka tidak menjadi kewajipan atas suami untuk memberi nafkah (Mustafa Al-Khin et al., 2012). Jumhur ulama bersepakat bahawa sesuatu syarat yang menafikan hak nafkah dan hubungan kelamin adalah terbatal, namun ia tidak membatalkan akad pernikahan itu sendiri, hanya membatalkan syarat tersebut. Ini berbeza sekali dengan pandangan yang dilontarkan oleh Ibn Taimiyyah yang berpandangan sebaliknya. Adapun konsep nikah khitbah di atas, pelaksanaannya adalah berdasarkan syarat persetujuan kedua-dua pihak sebelum perkahwinan (Mustafa & Miszairi, 2018).

RASIONAL DAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN NIKAH KHITBAH

Secara fitrahnya, maqasid syariah dari pelaksanaan nikah yang syarie adalah untuk menjaga nasab atau keturunan (*hifz an-nasl*); iaitu salah satu daripada *al-dharuriyat al-khams*. Ini bagi mengelakkan berlakunya permasalahan keturunan seperti tidak mengetahui bapa biologi kepada bayi tersebut (Hafifi & Syamim Zakwan, 2018; Nazihah, 2011). Konsep penjagaan nasab bertujuan menjamin kestabilan sesebuah masyarakat dan negara. Sekiranya masalah ini tidak dibendung daripada awal, dikhawatiri wabak ini akan menjadi bahana seperti yang berlaku di negara barat.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), hampir 40 peratus rakyat Amerika tergolong sebagai anak hasil hubungan tidak sah taraf. Salah satu faktor yang menyumbang adalah fenomena pasangan tidak berkahwin yang tinggal bersama (Berita Harian, 2018). Kesannya, peningkatan anak tak sah taraf ini boleh menyebabkan masalah gejala sosial lain yang lebih parah. Ini termasuklah pembuangan bayi yang tidak berdosa kerana si pelaku tidak mahu bertanggungjawab. Malah, perkara ini turut berlaku di negara kita seperti kajian yang didedahkan oleh Mustafa ‘Afifi et al., (2013) bahawa terdapat 685 kes direkodkan melibatkan pembuangan bayi seluruh malaysia sedari tahun 2005 sehingga tahun 2012.

Oleh sebab itu, Baginda saw sangat menekankan penjagaan nasab daripada tercemar melalui perkahwinan yang sah. Ini dapat dilihat dari sabda Baginda saw: “Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu yang mampu berkahwin, maka kahwinlah. Kerana perkahwinan itu dapat menundukkan mata dan memelihara kemaluhan” (al-Bukhari, 2001). Berdasarkan konteks pada masa kini, dapat difahami bahawa nasihat ini ditujukan khas kepada golongan remaja. Akan tetapi, timbul persoalan dari hadis di atas. Perkahwinan merupakan satu tanggungjawab yang besar dan memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi sama ada kos sebelum mahupun selepas perkahwinan. Lantaran itu, timbul satu persoalan penting, bagaimanakah perkahwinan boleh menjadi solusi bagi masalah dibangkitkan terutama melibatkan generasi remaja?

Justeru, konsep dan maqasid pelaksanaan *nikah khitbah* ini perlu difahami dengan sebaiknya oleh semua pihak. Pelaksanaannya di Malaysia bukanlah suatu yang baru terutama melibatkan pelajar universiti. Ini disokong oleh Mohamad Hazwan (2017) berdasarkan kajiannya yang melibatkan mahasiswa di Pulau Pinang. Dapatan kajian yang diperoleh daripada responden yang ditemu bual menunjukkan bahawa *nikah khitbah* adalah perkara biasa dan pengamalannya sama seperti perkahwinan biasa yang cukup syarat dan rukunnya. Cumanya terdapat syarat-syarat tertentu yang mengikat sewaktu tempoh pengajian kerana *maslahah* tertentu walaupun berlaku *tanazul hak* dari pihak isteri seperti tuntuan nafkah dan bersetubuh. Adapun sekiranya syarat tersebut dilanggar, ianya tidak membatalkan perkahwinan. (Mustafa & Miszairi, 2018).

Penulis melihat pelaksanaan *nikah khitbah* sangat relevan untuk dilaksanakan terutamanya melihat kepada situasi remaja pada masa kini yang begitu membimbangkan. Terdapat empat golongan yang sesuai untuk melaksanakan *nikah khitbah* ini: remaja yang tidak berpendidikan tinggi, pelajar-pelajar universiti, mereka yang baru menceburi bidang pekerjaan dan mereka yang menerima halangan untuk berkahwin dari ibu bapa (utusan, 2014).

Setelah meneliti konsep pelaksanaan *nikah khitbah* dan beberapa pandangan sarjana islam berkenaan dengannya, dapat dirumuskan di sini bahawa *nikah khitbah* mempunyai kelebihan tersendiri seperti berikut:

1. Dapat membantu mengurangkan gejala sosial dalam kalangan remaja sehingga lahirnya anak tak sah taraf.
2. Memendekkan tempoh pertunangan, ini kerana tempoh pertunangan yang terlalu lama akan membuka pintu berlakunya masalah zina.
3. Mengelakkan daripada berlakunya perkahwinan tidak syarie atau berkahwin di negara sempadan tanpa mempunyai sebarang dokumen yang lengkap.
4. Mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara kedua-dua belah pihak.

5. Memberi motivasi kepada para pelajar khususnya pelajar universiti untuk melaksanakan perkahwinan sewaktu tempoh belajar.
6. *Nikah khitbah* dapat membentuk suami yang bertanggungjawab sebagai ketua keluarga dan menghadapi cabaran pada usia muda.
7. Mendapat keredhaan Allah swt dan ketenangan dalam hidup kerana *nikah khitbah* yang dilakukan adalah untuk mengelakkan daripada terjerumus ke dalam kancan yang tidak diingini sewaktu tempoh perkenalan.

Bagi memastikan pelaksanaan *nikah khitbah* berjaya dan berkesan, penulis berpandangan perlunya garis panduan khusus untuk mencapai maqasid yang diinginkan. Garis panduan adalah seperti berikut:

1. Wajib mendapat keizinan wali sebelum melaksanakan *nikah khitbah*.
2. Pihak lelaki, wanita dan juga keluarga di kedua-dua belah pihak perlu memahami konsep pelaksanaan *nikah khitbah* dengan jelas.
3. Para ibu bapa tidak sewajarnya meninggalkan anak-anak remaja mereka yang berkahwin dengan cara *nikah khitbah* begitu sahaja tanpa memberikan sebarang bantuan kewangan dan tempat tinggal. Hujahnya, cabaran perkahwinan selepas perkahwinan adalah lebih besar.
4. Pihak lelaki perlu mengetahui bahawa nafkah adalah wajib ditunaikan, akan tetapi dalam tempoh berlakunya *nikah khitbah* nafkah ditangguhkan.
5. Bagi mengelakkan persepsi negatif masyarakat, walimah secara kecil-kecilan boleh dilakukan dengan menjemput ahli keluarga terdekat.
6. Proses pernikahan dilakukan mengikut undang-undang Majlis Agama Islam Negeri dan didaftarkan.

KESIMPULAN

Isu anak tak saraf ini merupakan satu wabak yang sangat berbahaya kepada golongan remaja. Kesannya bukan sahaja terpalit kepada masyarakat, bahkan memberi impak negatif kepada pembangunan insan sesebuah negara. Ini kerana generasi muda merupakan pemimpin pada masa akan hadapan. Oleh sebab itu, baginda saw begitu menitikberatkan pembentukan generasi muda mengikut acuan yang betul.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat pelbagai usaha dan alternatif telah dan sedang dijalankan oleh pihak berwajib. Ini termasuk sumbangan para sarjana melalui kajian-kajian yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah dibangkitkan. Penulis berpandangan, *nikah khitbah* boleh dijadikan satu alternatif yang sesuai melihatkan kepada konsepnya yang sangat fleksibel dengan para remaja.

Bagi menjayakan konsep nikah khitbah ini dengan lebih berkesan, penulis mencadangkan pihak-pihak berwajib seperti Majlis Agama Islam Negeri memberikan pencerahan lebih mendalam berkenaan konsep *nikah khitbah* ini. Kempen “Jom Daftar Nikah” yang dijalankan perlu diperluaskan konsepnya. Turut dicadangkan, pelaksanaan *nikah khitbah* ini dijadikan modul tambahan dalam kursus nikah bagi pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan. Di samping itu, kajian-kajian kaji selidik terhadap mahasiswa di universiti diperluaskan lagi bagi mengetahui kadar kefahaman terhadap *nikah khitbah* ini. Dapatkan kajian yang diperolehi dapat dijadikan penambahbaikan bagi pelaksanaannya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi@Abd Hadi Ishak, & Rashdan Rashid. (2011). *Punca Stress Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sistem Rekod Penyelidikan Dan Inovasi.* (PTSS). PTSS Digest 2011.
- Abdul Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-Undang Islam,* Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don, & Muhamad Faisal Asha'ri. (2017). *Konsep Hisbah Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam Mais Dan Jais Di Negeri Selangor Darul Ehsan.* Jurnal Al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (Pbmitt). pp. 51–66.
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. (2001). *Al-Jami' Al-Musnad Al-Sohih Al-Mukhtasar Min Amri Rasulillah.* Jzk 7. Dar Thuq Al-Najah.
- Al-Marghinani, Ali Bin Abi Bakar. (1996). *Al-Hidayah Fi Syarh Bidayah Al-Mubtadi.* Cetakan 1. Jzk 2. Idarah al-Quran Wa al-Ulum al-Islamiyyah, Pakistan. pp. 358.
- Al-Jurjani, Ali Bin Muhamad. (1983). *Al-Ta'rifat.* Cetakan 1. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Lubnan.
- Al-Zarqani, Muhammad Bin Abd Al-Baqi. (2003). *Syarh Al-Zarqani Ala Al-Muwattha' Imam Malik.* Maktabah Al-Thaqafah Al-Diniyyah, Al-Qahirah.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin Bin Umar. (1992). *Radd Al-Muhtar 'Ala Al-Dur Al-Mukhtar.* Cetakan Ke-2. Jzk 4. Dar Al-Fikr, Beirut.
- Ibnu Al-Qayyim, Muhammad Bin Bakar. (1994). *Zaad Al-Ma'ad Fi Hady Al-Khair Al-'Ibad.* Cetakan Ke-27. Muassasah Risalah, Beirut.
- Ibnu Hajar Al-'Asqalani, Ahmad Bin Ali. (1986). *Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari.* Dar Al-Rayyan Li Al-Turath.
- Ibnu Hajar Al-Haitami, Ahmad Bin Muhammad. (1983). *Tuhfah Al-Muhtaj Fi Syarh Al-Minhaj.* Juzuk 7. Al-Maktabah Al-Tijariah Al-Kubra.
- Mustafa Al-Siba'i. *Syarh Qanun Al-Ahwal Al-Syaksiah.* (2001). Cetakan Ke-9. Jzk. 1. Dar Al-Waraq, Jordan.

- Mutafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Syarbaji. (2012). *Al-Fiqh Al-Manhaji*. Darul Qalam, Damsyik. Jilid 2, pp. 173.
- Hasnizam Hashim, & Jasri Jamal. (2017). *Pelaksanaan Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan Dalam Akta / Enakmen Syariah Negeri-Negeri*. Jurnal Undang-Undang & Masyarakat, 49–58.
- Ma Razhanlaily Bt Ab Razak, & Salasiah Hanin Hamjah. (2017). *Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja*. Sains Insani. vol.2 No.2. pp. 1–9.
- Mahathir Yahaya, Azlinda Azman, Masarah Mohamad Yusof, & Farhana Kamarul Bahrin. (2019). *Faktor Dalaman Yang Mendorong Perlakuan Seks Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja*. Journal Of Islamic, Social, Economics And Development, 4(23), 87–96.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman, Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). *Faktor Penglibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual : Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor*. Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues Published, 4(5), 94–109.
- Mohamad Hafifi Bin Hassim, & Syamim Zakwan Bin Rosman. (2018). *Analisis Hadis-Hadis Berkaitan Tuntutan Menjaga Nasab : Penguatkuasaannya Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri*. E-Proceeding Of 3rd Inhad International Muzakarah & Mu'tamar On Hadith (Imam 2018). pp. 42–53.
- Mohamad Hazwan. (2017). *Tradisi Nikah Gantung Di Kalangan Mahasiswa Negeri Pulau Pinang Ditinjau Dari Fikih Syafi'i Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004*. Tesis Master. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.
- Mohd Al Adib Samuri, & Noor Aziah Haji Mohd. Awal. (2009). *Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-Kanak Di Malaysia: Pencegahan Atau Pemulihan?* Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, No. 13, pp. 35–54.
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, & Kamaruddin Salleh. (2018). *Perlaksanaan Hisbah Di Malaysia Pada Masa Kini: Perkembangan Dan Halangan*. Jurnal Al-Hikmah. 6(2). pp. 167–185.
- Muhamad Ismail & Akbar. (2017). *Al-Khitbah Fi Al-Islam*. Dirasah Lughawiyah Haditsiyyah. Langkawi.Vol 3. No.1. Pp 122-140.
- Mustafa 'Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, & Joki Perdani Sawai. (2013). *Bayi Yang Dibuang: Hak Dan Kedudukan Bayi Di Sisi Undang-Undang*. The Malayan Law Journal, 5, 1–12.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). *Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam*. Jurnal Al-Turath. 3(1). pp. 55–63.
- Nazihah Binti Nasarudin. (2011). *Maqasid Syariah Dalam Bab Perkahwinan Dari*

- Segi Tanggungjawab. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Paizah Hj Ismail. (2013). *Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah Dan Perundangan Islam Di Malaysia*. Jurnal Fiqh, 10(10), 77–90.
- Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar, & Mushaddad Hasbullah. (2015). *Gejala Sosial Di Malaysia: Pendekatan Islam Dan Peranan Pemimpin Dalam Usaha Pencegahan*. Persidangan Warisan Islam Antarabangsa. pp. 328–334.
- Shakila Ahmad, Harliana Halim, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar, Halimi Mohd. Khalid, Nur Zainatul Nadra Zainol, Intan Farhana Saparuddin, Fauziah Ani. (2017). *Usaha Pembinaan Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor Berdasarkan Neraca Maqasid Syari'ah*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan. pp. 1–14.
- Syihabuddin Al-Ramli, Muhammad Bin Abi Al-Abbas. (1984). *Nihayah Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj*. Dar Al-Fikr, Beirut.
- Umar Muhammad, *al-Bashmah al-Wiratsiyah Wa Mada Masyru'iyyah Istikhdamiha fi al-Nasab*. (2002). Cetakan 1. Dar al-Fadhilah, Riyad. pp. 21–24.
- Zanariah Noor. (2018). *Status Dan Hak Anak Tak Sah Islam Dalam Undang-Undang Di Malaysia*. Sains Humanika, 4, 61–69

Website:

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/578922/kes-pembuangan-bayi-serius-tpm>
- <https://www.bhplus.com.my/berita/kes/2020/02/655225/mahkamah-persekutuan-putus-anak-tak-sah-taraf-tidak-boleh-dibinkan-binti>
- <https://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/kelahiran/>
- <http://ddms.usim.edu.my/simple-search?query=nikah>
- <https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2018/10/487630/kelahiran-anak-luar-nikah-meningkat>
- <http://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-06-02-03-37-55/tahun-2017/906-wacana-penelitian-kajian-faktor-risiko-dan-perlindungan-terhadap-kesihatan-seksual-dan-reproduktif-remaja-di-sabah-dan-sarawak>
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.